

WWC Check (Pemeriksaan Bekerja dengan Kanak-kanak) – Glosari

Glosari perkataan yang digunakan untuk Working with Children (WWC) Check di Western Australia (WA).

Agreement to work (Perjanjian untuk bekerja)

Agreement to work itu boleh jadi perjanjian bertulis atau tidak bertulis antara seseorang dengan orang lain ataupun dengan sebuah **organisasi**, untuk melakukan **kerja berkenaan kanak-kanak**, sama ada **bergaji, tidak bergaji** ataupun **sukarela**.

Perjanjian itu boleh jadi untuk **pekerjaan berkenaan kanak-kanak** atau **perniagaan berkenaan kanak-kanak**, menurut *Working with Children (Screening) Act 2004*.

Assessment Notice (Kad WWC)

Assessment Notice ialah istilah yang diberikan untuk Kad WWC dalam undang-undang.

Authorised officer (Pegawai berkuasa)

Authorised officer ialah pegawai dari WWC Screening Unit (Unit Pemeriksaan WWC) yang dilantik oleh CEO Department of Communities. Authorised officer boleh membenarkan orang lain menolongnya untuk menjalankan kuasa, misalnya tukang kunci untuk membuka kabinet atau pintu yang berkunci.

Blanket policy (Dasar menyeluruh)

Blanket policy ialah dasar **organisasi** yang mengatakan pekerja, sukarelawan, pelajar dan kontraktor yang bekerja sendiri mesti ada WWC Check yang sah, tidak kira mereka melakukan kerja berkenaan kanak-kanak atau tidak.

Kategori-kategori kerja berkenaan kanak-kanak

Kategori kerja berkenaan kanak-kanak ialah 18 kategori yang ditetapkan di bawah seksyen 6 undang-undang. Kategori-kategori itu ialah:

1. child care service (khidmat penjagaan kanak-kanak)
2. community kindergarten (tadika komuniti) yang didaftarkan mengikut School Education Act 1999 Part 5
3. educational institution (institusi pendidikan) untuk kanak-kanak
4. khidmat coaching (bimbingan) atau tuisyen persendirian tidak kira jenisnya, tidak termasuk **urusan tidak rasmi** untuk keperluan sendiri atau keluarga
5. aturan tempat tinggal atau penjagaan kanak-kanak, sama ada asrama atau rumah orang, tidak termasuk urusan tidak rasmi oleh ibu bapa kanak-kanak itu atau tempat tinggal/penjagaan yang diadakan oleh saudara mara

6. aturan placement (penempatan) atau aturan secure care (penjagaan selamat) menurut Children and Community Services Act 2004
7. tugas yang diberikan menurut Children and Community Services Act 2004 seksyen 3 dan dilakukan oleh seorang pegawai menurut Akta tersebut
8. tempat tahanan menurut Young Offenders Act 1994 seksyen 3
9. community child health service (pusat kesihatan kanak-kanak komuniti)
10. khidmat kaunseling atau khidmat sokongan yang lain
11. badan keagamaan
12. kelab, persatuan atau pergerakan (termasuk dalam bidang budaya, rekreasi atau sukan, tidak kira diperbadankan ataupun tidak) yang ramai kanak-kanak menjadi anggota atau ikut terlibat, tetapi tidak termasuk aturan tidak rasmi untuk keperluan sendiri atau keluarga
13. wad hospital awam atau swasta yang biasanya ada kanak-kanak dirawat
14. khidmat baby sitting (mengasuh bayi) atau child minding (menjaga kanak-kanak), tidak termasuk urusan tidak rasmi untuk keperluan sendiri atau keluarga
15. overnight camp (khemah semalaman) tidak kira jenis penginapan atau berapa ramai kanak-kanak yang ikut serta
16. khidmat transport (pengangkutan) khas untuk kanak-kanak
17. khidmat school crossing (menyeberang jalan di sekolah), untuk menolong kanak-kanak menyeberang jalan pergi balik dari sekolah
18. khidmat hiburan atau majlis untuk kanak-kanak.

Ada dua lagi kategori kerja berkenaan kanak-kanak yang khas mengenai kakitangan WWC Screening Unit (Unit Pemeriksaan WWC) atau kerja lain yang ditetapkan dalam Working with Children (Screening) Regulations 2005.

Child (Kanak-kanak)

Kanak-kanak ialah orang berumur di bawah 18 tahun.

Child-related business (Perniagaan berkenaan kanak-kanak)

Dalam undang-undang, perniagaan berkenaan kanak-kanak ertinya kerja berkenaan kanak-kanak yang dilakukan untuk mendapat untung atau ganjaran tetapi bukan pekerjaan berkenaan kanak-kanak.

Ini boleh termasuk orang yang bekerja sendiri, pengarah syarikat atau rakan kongsi dalam perniagaan atau pegawai pengurusan pusat penjagaan kanak-kanak.

Child-related employment (Pekerjaan berkenaan kanak-kanak)

Dalam undang-undang, pekerjaan berkenaan kanak-kanak ertinya kerja berkenaan kanak-kanak yang dilakukan:

- oleh seseorang mengikut kontrak pekerjaan atau kontrak latihan (bertulis atau tidak bertulis)
- oleh seseorang secara sukarela mengikut perjanjian (bertulis atau tidak bertulis) dengan orang lain
- oleh seseorang sebagai ulama agama atau dalam jawatan lain untuk sebuah badan agama, atau
- oleh pelajar dengan orang lain yang mungkin dilakukan atau mesti dilakukan untuk keperluan pelajarannya.

Child-related work (Kerja berkenaan kanak-kanak)

Dalam seksyen 6 undang-undang, kerja berkenaan kanak-kanak ertinya kerja yang **tugas biasanya** ada, atau boleh dikatakan ada, **kontak** dengan kanak-kanak berkaitan dengan sekurang-kurangnya satu kategori **kerja berkenaan kanak-kanak**, kecuali ada **exemption**.

Class 1 offence (Kesalahan Kelas 1)

Class 1 offence adalah kesalahan yang ditetapkan dalam seksyen 7(1) dan Jadual 1 undang-undang tersebut. Mungkin termasuk kesalahan di bawah undang-undang negara, negeri atau wilayah lain, atau kesalahan di bawah Commonwealth Criminal Code seperti yang ditetapkan dalam Jadual 2 WWC Regulations.

Class 2 offence (Kesalahan Kelas 2)

Class 2 offence adalah kesalahan yang ditetapkan dalam seksyen 7(2) dan Jadual 2 undang-undang tersebut. Mungkin termasuk kesalahan di bawah undang-undang negara, negeri atau wilayah lain, atau kesalahan di bawah Commonwealth Criminal Code seperti yang ditetapkan dalam Jadual 3 WWC Regulations.

Class 3 offence (Kesalahan Kelas 3)

Class 3 offence ialah kesalahan yang bukan dikira kesalahan Kelas 1 atau Kelas 2 di bawah Akta WWC. Mungkin termasuk kesalahan di bawah undang-undang negara, negeri atau wilayah lain.

Contact (Kontak atau Pertembungan)

Dalam undang-undang, kontak ertinya apa sahaja pertembungan fizikal, komunikasi lisan (bersemuka, melalui telefon atau selainya) dan komunikasi elektronik.

Kontak tidak termasuk pertembungan dalam tugas biasa antara majikan dengan pekerja, atau antara pekerja majikan yang sama yang bekerja bersama-sama, atau **pertembungan sampingan** dengan kanak-kanak.

Deemed withdrawn (Dianggap ditarik balik)

Deemed withdrawn ertinya permohonan WWC Check dibatalkan oleh WWC Screening Unit selepas:

- tidak dapat mengesahkan pengenalan seseorang atau kerjanya yang berkenaan kanak-kanak, sama ada dengan dia sendiri atau organisasi yang disebutkan, atau
- wakil organisasi yang disebutkan tidak mengesahkan orang itu digaji atau hendak digaji untuk melakukan kerja berkenaan kanak-kanak.

Education provider (Badan pendidikan)

Dalam undang-undang, education provider ertinya:

- universiti yang ditubuhkan atau tetap berdiri di bawah Akta negeri ini, Commonwealth Australia, atau negeri atau wilayah lain
- syarikat universiti yang ditakrifkan dalam *Bond University Act 1987 (Queensland)* seksyen 2
- kolej atau institusi vokasional dan latihan lain yang ditakrifkan dalam *Vocational Education and Training Act 1996* seksyen 5(1)
- sekolah yang ditetapkan dalam *Vocational Education and Training Act 1996* seksyen 6(1)
- institusi bukan universiti yang diberi kuasa
- universiti Australia yang diiktiraf
- universiti luar negara yang diiktiraf seperti ditakrifkan dalam *Higher Education Act 2004* seksyen 3
- mana-mana badan lain yang mengadakan kursus pendidikan atau vokasional yang ditetapkan oleh peraturan.

Exemption (kelonggaran)

Exemption ertinya keadaan yang ditetapkan dalam *Working with Children (Screening) Act 2004* apabila orang tertentu yang terlibat dalam **kerja berkenaan kanak-kanak** tidak perlu dan oleh itu tidak layak memohon WWC Check.

Formal arrangement (Aturan rasmi)

Aturan rasmi mungkin termasuk orang yang mengiklankan khidmat mereka, iaitu perniagaan yang memberi khidmat berkaitan; atau mempromosikan khidmat mereka secara umumnya kepada kanak-kanak dan bukan hanya melayani permintaan kanak-kanak dalam rangkaian sosial mereka sendiri.

Incidental contact (Kontak atau pertembungan sampingan)

Kontak sampingan ertinya pertembungan dengan kanak-kanak yang mungkin berlaku semasa orang itu melakukan tugas pekerjaan, tetapi kontak itu tidak perlu untuk dia menyelesaikan tugas.

Individual (Individu atau orang perseorangan)

Individu boleh bermakna pekerja, pelajar, sukarelawan, atau orang yang bekerja sendiri.

Informal or private arrangement (Aturan tidak rasmi atau persendirian)

Di WWC Screening Unit (Unit Pemeriksaan WWC), aturan tidak rasmi atau persendirian ertinya sesuatu yang dibuat secara sambilan dan hanya untuk sekumpulan sahabat handai atau ahli keluarga yang tidak ramai.

Penting diingat, aturan itu mungkin pada mulanya tidak rasmi tetapi kemudian menjadi rasmi, dan dengan itu mungkin diwajibkan ada WWC Check.

Interim Negative Notice (Notis Negatif Sementara)

Interim Negative Notice ialah notis yang diberikan di bawah *Working with Children (Screening) Act 2004* oleh WWC Screening Unit apabila mendapat maklumat tentang keselamatan segera seorang kanak-kanak.

Notis ini melarang seseorang itu melakukan **kerja berkenaan kanak-kanak** sehingga penilaian akhir sama ada dia membawa risiko bahaya yang besar kepada kanak-kanak.

Notice Negative (Notis Negatif)

Negative Notice ialah notis yang diberikan di bawah *Working with Children (Screening) Act 2004* oleh WWC Screening Unit apabila ada orang yang dipandang membawa risiko bahaya besar kepada kanak-kanak.

Notis ini melarang seseorang itu melakukan apa-apa **kerja berkenaan kanak-kanak**. Notis ini tetap berkuat kuasa sehingga dibatalkan.

Non-conviction charge (Pertuduhan tanpa disabitkan bersalah)

Non-conviction charge ialah tuduhan bagi kesalahan jenayah yang diuruskan oleh mahkamah dengan cara lain, bukan dengan orang itu disabitkan bersalah. Contoh kes non-conviction charge:

- orang itu didapati tidak bersalah atas kesalahan yang dituduh

- pertuduhan ditarik balik
- kes itu dihentikan pendakwaannya, atau
- sabitan kesalahan dibatalkan atau diketepikan setelah rayuan dibuat.

Organisation (Organisasi)

Organisasi boleh bermakna majikan, badan sukarela atau badan pendidikan.

Organisation representative (Wakil organisasi)

Wakil organisasi bermakna orang yang diberi kuasa oleh majikan, badan sukarela atau badan pendidikan untuk mengesahkan orang yang memohon WWC Check itu benar melakukan **kerja berkenaan kanak-kanak** dalam organisasi itu. Wakil organisasi boleh dihubungi oleh WWC Screening Unit jika ada pertanyaan mengenai permohonan WWC Check yang mereka sahkan.

Paid employee (Pekerja bergaji)

Pekerja bergaji ertinya orang yang mendapat gaji atau upah yang tetap mengikut kontrak pekerjaan.

Parent (Ibu bapa)

Dalam undang-undang, ibu bapa ertinya orang yang:

- merupakan ibu, bapa, bapa tiri atau ibu tiri seorang kanak-kanak
- bertanggungjawab di sisi undang-undang atas penjagaan, kebajikan dan perkembangan kanak-kanak itu untuk jangka panjang atau secara harian
- pada hakikatnya menjalin hubungan dengan orang yang disebut dalam salah satu yang di atas, atau
- dinyatakan sebagai bakal ibu bapa angkat kanak-kanak itu di bawah Adoption Act 1994.

Pending charge (Pertuduhan belum selesai)

Pertuduhan yang belum selesai bermakna kesalahan yang belum mendapat keputusan atau belum ditamatkan oleh mahkamah.

Prescribed reports (Laporan yang ditetapkan)

Laporan yang ditetapkan dalam seksyen ini, besar kemungkinan mengandungi bahan yang sangat sensitif dan sulit, yang biasanya dilarang atau disekat pendedahannya. Walau bagaimanapun, besar kemungkinan juga maklumat yang ada dalam laporan yang ditetapkan ini sangat penting bagi penilaian risiko yang diwajibkan oleh Akta, termasuk untuk mengurangkan risiko tersebut.

Relative (Saudara mara)

Dalam undang-undang, saudara mara bermakna:

- ibu bapa, datuk nenek atau moyang
- adik beradik
- bapa saudara atau ibu saudara
- sepupu
- suami, isteri atau pasangan pada hakikatnya.

Hubungan ini tidak kira sama ada ditentukan atau dikesan melalui persaudaraan, perkahwinan, hubungan pada hakikatnya, undang-undang bertulis atau pertalian darah. Ini termasuk orang yang dianggap saudara seperti yang disenaraikan di atas menurut hukum adat atau tradisi masyarakat Asli atau Torres Strait Islander kanak-kanak itu.

Relevant change (Perubahan relevan)

Perubahan relevan berlaku dalam rekod jenayah seseorang apabila dia didakwa atau disabitkan bersalah dalam kes **Class 1 offence** atau **Class 2 offence**.

Relevant information (Maklumat relevan)

Maklumat relevan ialah takrifan luas untuk berbagai-bagai maklumat yang penting untuk melakukan prosiding penilaian atau semakan, dan relevan untuk menaksir risiko atau mengurangkan risiko.

Renewal (Membaharui WWC Check)

Untuk membaharui WWC Check, orang yang hendak meneruskan kerja berkenaan kanak-kanak mesti membuat permohonan dalam masa tiga bulan dari tarikh tamat Kad WWC mereka yang ada sekarang.

Reportable conduct (Kelakuan yang wajib dilaporkan)

Reportable conduct ialah sesuatu masalah kelakuan yang didapati oleh Teacher Registration Board of WA atau yang dilaporkan kepada Ombudsman WA di bawah reportable conduct scheme dan diberikan kepada WWC Screening Unit.

Laporan masalah kelakuan itu termasuk masalah disiplin dan/atau salah laku lain yang berkaitan dengan kesalahan jenayah, atau tingkah laku yang membimbangkan, yang dilakukan terhadap kanak-kanak.

Exemption untuk short-term visitors (Pelawat yang tinggal tidak lama) di WA

Exemption untuk pelawat yang tidak lama di WA menurut Working with Children (Screening) Act 2004 ini diberikan untuk orang yang bukan penduduk WA, supaya dia boleh melakukan kerja berkenaan kanak-kanak bagi tempoh ditetapkan selama dua minggu selepas datang ke WA.

Exemption ini tidak boleh digunakan lebih daripada dua minggu dalam mana-mana tempoh 12 bulan dan tidak boleh digunakan bersama exemption untuk acara nasional dan jelajah nasional sekali sahaja dalam tempoh 12 bulan yang sama. Untuk penerangan lanjut lihat Factsheet CRW02: Exemption, One-off national events and national tours.

Spent conviction (Sabitan kesalahan yang sudah tamat tempoh)

Spent conviction ialah sabitan kesalahan yang tidak perlu dimaklumkan kepada orang lain. Namun, sesetengah agensi diberikan exemption untuk membaca maklumat ini di bawah *Spent Convictions Act 1988*.

Student (Pelajar)

Dalam undang-undang, pelajar bermakna orang yang mengikuti kursus pendidikan atau vokasional dengan sebuah badan pendidikan dan dalam kursus itu dia mungkin atau mesti melakukan kerja berkenaan kanak-kanak.

Unpaid person (Orang tidak bergaji)

Orang tidak bergaji ialah orang yang melakukan kerja berkenaan kanak-kanak tanpa mendapat upah atau gaji. Mungkin termasuk **sukarelawan**, **pelajar** dalam penempatan kerja, dan situasi kerja yang lain tanpa bayaran, seperti kerja untuk skim dole.

Usual duties (Tugas biasa)

Tugas biasa bermakna tugas yang lazim, normal, harian atau lumrah bagi sesuatu peranan.

Volunteer (Sukarelawan)

Sukarelawan ialah orang yang melakukan kerja berkenaan kanak-kanak tanpa mendapat upah atau gaji.

Jika dibayar hanya untuk menampung kos melakukan kerja berkenaan kanak-kanak, orang itu dikira bukan mendapat upah dan dianggap sukarelawan oleh WWC Screening Unit.

Setiap organisasi patut fikirkan dengan teliti sama ada sesuatu bayaran kepada orang itu boleh secara munasabah dianggap gaji ataupun bayaran untuk menampung kos.

Hal ini patut dilakukan sebelum menentukan apa-apa exemption yang berkenaan, atau menandatangani Borang Permohonan WWC Check atau permohonan untuk membaharunya.

Apabila membuat keputusan ini, mungkin berguna untuk organisasi mempertimbangkan soalan-soalan berikut:

- Apakah kos yang ditanggung orang itu untuk melakukan kerja?
 - Kos itu mungkin termasuk kos perjalanan, panggilan telefon, pakaian seragam, alat tulis, peralatan sukan dan barang lain jika mereka perlu melakukan kerja berkenaan kanak-kanak.

- Berapa lamakah tempoh khidmat itu diberikan dan bayaran dibuat?
 - Misalnya, jika bayaran kepada orang itu tidak melebihi jumlah yang munasabah untuk menampung kos yang ditanggung sepanjang tahun, orang itu boleh dianggap sukarelawan.
- Adakah bayaran yang diterima orang itu melebihi kos yang ditanggung untuk melakukan kerja?
 - Jika ya, dia dianggap pekerja bergaji. Tidak penting sama ada kerja itu kerap atau jarang berlaku dan sama ada bayarannya kecil tetapi kerap, atau besar tetapi jarang.